

Oleh Presiden  
Henry B. Eyring  
Penasihat Pertama di  
dalam Presidensi Utama



# Berkongsikan Injil dari Hati ke Hati

**T**uhan akan menempatkan orang yang bersedia pada jalan para hamba-Nya yang bersedia untuk berkongsikan injil. Anda sudah berpengalaman begitu dalam hidup anda. Berapa kerap kali ini berlaku bergantung pada persediaan minda dan hati anda.

Seorang sahabat saya berdoa setiap hari untuk menemu seorang yang sedia untuk menerima injil. Dia bawakan satu salinan Kitab Mormon bersamanya. Pada malam sebelum satu perjalanan pendek, dia berpu-tus untuk meninggalkan satu salinan Kitab Mormon tetapi hanya membawa satu kad Gereja. Tetapi bila dia bersedia untuk meninggal, satu impresi rohani datang kepadanya: “Bawakan satu salinan Kitab Mormon bersama anda.” Jadi, dia pun meletakkan satu salinan dalam begnya.

Bila seorang wanita yang dia kenali duduk di se-belahnya pada perjalanan ini, dia menanyakan diri, “Adakah dia orang itu yang harus saya berikan Kitab Mormon?” Wanita itu duduk di sebelahnya sekali lagi pada perjalanan pulang. Dia berfikir, “Bagaimana harus saya memulakan perbualan tentang injil?”

Sebaliknya, wanita itu menanya, “Anda bayar persepuluhan kepada gereja anda, betulkah?” Dia kata dia bayar persepuluhan. Wanita itu memberitahu dia bahawa dia seharusnya membayar persepuluhan kepada gerejanya tetapi dia tidak. Kemudian wanita itu menanya, “Apakah

yang boleh anda beritahu saya tentang Kitab Mormon?”

Dia menjelas bahawa kitab itu adalah tulisan suci, satu kesaksian lagi tentang Yesus Kristus, diterjemah oleh Nabi Joseph Smith. Wanita itu nampaknya berminat, jadi dia pun masukkan tangannya ke dalam beg dan berkata, “Saya ditekan untuk membawa buku ini bersama saya. Saya fikir ia adalah untuk anda.”

Wanita itu mula membaca kitab itu. Bila mereka berpisah, wanita itu berkata, “Anda dan saya akan mengadakan perbualan yang lebih lanjut tentang ini.”

Perkara yang tidak diketahui oleh sahabat saya—tetapi Tuhan *tahu* adalah bahawa wanita itu mencarikan satu gereja. Tuhan tahu bahawa dia sudah memerhati sahabat saya dan menanyakan dirinya sendiri mengapa Gereja ini mendatangkan kegembiraan kepada sahabat saya. Tuhan tahu bahawa wanita itu akan menanya tentang Kitab Mormon dan dia akan rela untuk diajar oleh para mubaligh. Wanita itu sedia. Begitu juga sahabat saya. Anda and saya juga boleh bersedia.

Persediaan yang kita perlukan berlaku dalam minda dan hati kita. Wanita itu sudah dengar tentang Kitab Mormon dan dia ingat kata-kata tentang Kitab Mormon, Gereja Tuhan yang sudah dipulihkan, dan perintah untuk membayar persepuluhan. Dan dia merasa satu permulaan kesaksian tentang kebenaran dalam hatinya.

Tuhan sudah berfirman bahawa Dia akan

mendedahkan kebenaran kepada minda dan hati kita melalui Roh Kudus (lihat A&P 8:2). Kebanyakan orang yang akan anda temui sudah ada permulaan persediaan itu. Mereka sudah mendengar tentang Tuhan dan firman-Nya. Jika hati mereka cukup lembut, mereka sudah merasai satu penetapan tentang kebenaran, walaupun betapa malapnya.

Wanita itu sedia. Begitu juga sahabat saya, Orang Suci Zaman Akhir yang sudah membaca Kitab Mormon. Dia merasa satu kesaksian bahawa perkara ini adalah benar, dan dia mengenali arahan dari Roh untuk membawa satu salinan Kitab Mormon bersama dia. Dia sedia dalam minda dan hatinya.

Tuhan sedang menyediakan orang untuk menerima kesaksian anda tentang kebenaran yang sudah dipulihkan. Dia perlukan iman dan tindakan anda untuk berkongsi dengan berani tentang perkara yang sangat bernilai kepada anda dan orang yang anda kasihi.

Bersedia untuk berkongsi dengan mengisikan minda anda setiap hari dengan kebenaran injil. Bila anda mematuhi perintah-perintah dan menaati perjanjian anda, anda akan merasa kesaksian Roh dan kasih sayang yang lebih besar dari Juruselamat terhadap anda dan mereka yang anda kasihi.

Jika anda melakukan bahagian anda, anda akan mempunyai lebih banyak pengalaman untuk bertemu dengan orang yang sedia untuk mendengar kesaksian anda tentang kebenaran—yang diberikan secara peribadi, dari hati anda ke hati mereka.

---

## MENGAJAR DARI PESANAN INI

Menimbang untuk membaca pesanan ini bersama keluarga anda dan bincangkan perenggan sebelum perenggan yang terakhir, di mana Presiden Eyring berbincang tentang cara-cara untuk memperkuatkan kesaksian seseorang. Berbincang bersama keluarga tentang kepentingan untuk memberi kesaksian bila berkongsi injil. Kanak-kanak dalam keluarga mungkin boleh dapat bantuan dari melakonan cara-cara untuk memberi kesaksian kepada rakan-rakan mereka.

## REMAJA

### Ketahui tentang Perkara yang Harus Diucapkan

Jika anda rasa anda tidak cukup berilmu untuk berkongsi injil dengan orang lain, anda boleh dapat kesenangan dari jaminan dari tulisan-tulisan suci ini:

“Angkatlah suaramu kepada orang-orang ini; bicarakanlah pemikiran yang akan Aku taruh ke dalam hatimu, dan kamu tidak akan dipermalukan di hadapan manusia;

“Kerana akan diberikan kepadamu pada jam yang tepat, ya, pada saat yang tepat, apa yang akan kamu katakan” (A&P 100:5–6).

“Roh Tuhan, Penolong yang akan diutus oleh Bapa demi nama-Ku, akan mengajar kamu segala-galanya dan akan mengingatkan kamu segala yang telah Aku katakan kepada kamu” (Yohanes 14:26).

Semua ini adalah jaminan yang besar, tetapi untuk memperoleh mereka, kita mesti lakukan bahagian kita. Dalam pesanan ini, Presiden Eyring mengajar kita cara ini: “Bersedia untuk [berkongsi injil] dengan mengisikan minda anda setiap hari dengan kebenaran injil.” Apakah yang boleh anda lakukan untuk mengisikan minda anda dengan kebenaran injil?

## KANAK-KANAK

### Bersedia untuk Berkongsi

Presiden Eyring berkata bahawa satu cara yang penting untuk bersedia untuk kongsi injil adalah untuk mengisikan minda kita dengan kebenaran injil. Apakah yang boleh anda lakukan untuk bersedia untuk berkongsi?

© 2012 oleh Intellectual Reserve, Inc. Hak terpelihara. Dicitak di Amerika Syarikat. Kelulusan Bahasa Inggeris: 6/11. Kelulusan penterjemahan: 6/11. Penterjemahan *First Presidency Message, September 2012*. Malay. 10369 348



Iman, Keluarga, Pertolongan

# Keperluan-keperluan Khas dan Pelayanan yang Diberikan

*Pelajarilah pesanan ini secara penuh doa dan, sebagaimana sesuai, berbincang mengenainya dengan saudari yang anda kunjungi. Gunakan soalan-soalan yang di bawah untuk menolong menguatkan para saudari yang anda ajar dan membuat Lembaga Pertolongan sebahagian giat dalam hidup anda sendiri.*

“Keperluan-keperluan orang lain wujud di sekeliling kita,” kata Presiden Thomas S. Monson, “dan kita masing-masing boleh melakukan sesuatu untuk membantu seseorang. . . . Jika kita tidak hilang diri sendiri dalam pelayanan kepada orang lain, hidup kita akan mempunyai sedikit tujuan sahaja.”<sup>1</sup>

Sebagai para pengajar berkunjung kita boleh mengenali dan menyayangi setiap orang saudari yang kita kunjungi dengan ikhlas. Pelayanan kepada mereka yang kita kunjungi akan datang dengan natural dari kasih sayang kita terhadap mereka. (lihat Yohanes 13:34–35).

Bagaimana kita boleh tahu tentang keperluan-keperluan rohani dan jasmani saudari-saudari supaya kita boleh berikan pelayanan bila diperlukan? Sebagai para pengajar berkunjung, kita berhak untuk menerima inspirasi bila kita berdoa tentang mereka yang kita kunjungi.

Perhubungan yang tetap dengan para saudari kita juga penting. Kunjungan peribadi, panggilan telefon, nota galakan, e-mail, duduk bersama dia, satu pujian yang ikhlas, menyambut dia di gereja, menolong dia pada masa kesakitan atau masa keperluan, dan tindakan pelayanan lain menolong kita menjaga dan memperkuat satu sama lain.<sup>2</sup>

Para pengajar berkunjung diminta

untuk melaporkan keadaan, keperluan-keperluan para saudari, dan pelayanan yang sudah diberikan kepada mereka. Laporan-laporan ini dan pelayanan kepada para saudari kita menolong kita untuk menunjukkan penganutan kita.<sup>3</sup>

## Dari Tulisan Suci

Yohanes 10:14–16; 3 Nefi 17:7, 9; Moroni 6:3–4

## Dari Sejarah Kita

Pelayanan satu sama lain selalunya adalah pusat pengajaran berkunjung. Melalui pelayanan yang berterusan kita mendatangkan kemurahan hati dan kesahabatan yang lebih dari kunjungan bulanan. Kasih sayang kitalah yang penting.

“Saya merayu kepada para saudari kita untuk berhenti bimbang tentang satu panggilan telefon atau kunjungan suku tahun atau kunjungan bulanan,” kata Mary Ellen Smoot, presiden umum Lembaga Pertolongan yang ke tiga belas. Dia meminta kita untuk “menumpukan perhatian ke atas menjaga jiwa-jiwa yang lembut.”<sup>4</sup>

Presiden Spencer W. Kimball (1895–1985) mengajar, “Adalah sangat penting bahawa kita melayan satu sama lain dalam kerajaan ini.” Tetapi dia sedar bahawa bukan semua pelayanan perlu merupakan tindakan hero. “Biasanya, tindakan

pelayanan kita mengandungi galakan yang sederhana atau pemberian . . . bantuan demi tugas-tugas yang biasa,” dia berkata, “tetapi penghasilan yang mulia akan datang . . . dari tindakan yang kecil tetapi bertujuan!”<sup>5</sup>

## NOTA

1. Thomas S. Monson, “What Have I Done for Someone Today?” *Liahona*, Nov. 2009, 85.
2. Lihat *Handbook 2: Administering the Church* (2010), 9.5.1.
3. Lihat *Handbook 2*, 9.5.4.
4. Mary Ellen Smoot, dalam *Daughters in My Kingdom: The History and Work of Relief Society* (2011), 117.
5. *Teachings of Presidents of the Church: Spencer W. Kimball* (2006), 82.

## Apa yang Boleh Saya Lakukan?

**1.** Adakah saya mencarikan inspirasi peribadi untuk mengetahui cara untuk membalas terhadap keperluan-keperluan rohani dan jasmani setiap saudari yang ditugaskan kepada saya?

**2.** Bagaimana para saudari yang saya jaga tahu bahawa saya mengambil berat tentang mereka dan keluarga mereka?

Untuk maklumat lebih lanjut, layari [www.reliefsociety.lds.org](http://www.reliefsociety.lds.org).